

19/01/1997

Dr Mahathir mengajar erti bekerjasama

A Nazri Abdullah

BUKAN mudah untuk menghimpunkan pemimpin-pemimpin teknologi maklumat (IT) dalam satu pertemuan yang dipengerusikan oleh seorang pemimpin dari negara luar. Tidak ramai pemimpin yang mampu mengajak pemimpin korporat multimedia duduk semeja membincangkan masa depan era maklumat. Persaingan di kalangan gergasi IT amatlah sengit kerana masing-masing membelanjakan peruntukan yang banyak bagi penyelidikan dan pembangunan untuk mengeluarkan peralatan baru yang lebih canggih.

Microsoft, IBM dan Netscape sentiasa bersaing untuk menjadi pemimpin IT dan masing-masing melihat di antara satu sama lain sebagai musuh perniagaan. Masing-masing mempunyai strategi dan rahsia perniagaan untuk mengatasi di antara satu sama lain. Malah antara mereka pernah menyaman antara satu sama lain bagi melindungi kepentingan perniagaan masing-masing.

Bertolak daripada latar belakang ini, maka kejayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mengajak mereka duduk semeja sebagai panel penasihat antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia adalah satu kejayaan luar biasa yang sekali gus mengajar mereka erti kerjasama untuk kemajuan manusia sejagat. Kesungguhan dan keazaman Dr Mahathir untuk merealisasikan MSC serta kegigihannya bertemu dan berbincang dengan tokoh-tokoh IT selama lebih dua tahun lalu berjaya menanam keyakinan di kalangan pemimpin IT Amerika dan Jepun betapa mereka perlu bekerjasama dan berkongsi idea.

Kita sifatkan ini sebagai kejayaan luar biasa kerana bukanlah mudah bagi korporat IT di Amerika untuk melayani idea pemimpin daripada sebuah negara kecil seperti Malaysia. Ramai kita tidak dapat membayangkan betapa Dr Mahathir dapat mempengerusikan sebuah panel penasihat IT yang dihadiri oleh tokoh-tokoh IT di seluruh dunia. Lebih penting daripada itu kesediaan mereka untuk menjayakan MSC adalah satu penghormatan bukan saja kepada ketokohan dan kepemimpinan Dr Mahathir, malah sebagai satu pengiktirafan kepada kemampuan Malaysia untuk menjadi katalis kepada kebangkitan Asia, agenda yang semakin gemar dibicarakan di Timur dan Barat.

Walaupun pelbagai insentif yang disediakan di MSC mungkin menjadi daya penarik, ia bukanlah sesuatu yang sukar dilakukan oleh negara lain. Kita yakin daya penarik yang terpenting ialah ketokohan dan iltizam Dr Mahathir sendiri. Kejayaan beliau membangunkan Malaysia adalah bukti kesungguhan beliau bekerja. Beliau adalah pemimpin pragmatik yang tidak gemar pada retorika. Beliau bukan sekadar bercakap kosong tetapi faham apa yang dicakapnya. Bukanlah mudah untuk mempengerusikan mesyuarat panel penasihat IT jika Dr Mahathir tidak memahami secara mendalam perkembangan IT.

Dengan menghimpunkan semua tokoh IT dalam satu panel penasihat, MSC terdedah kepada pelbagai perkembangan dan kemajuan dalam bidang multimedia. MSC tidak akan terikat kepada teknologi tertentu yang mungkin membantut kejayaannya. Kejayaan MSC nanti ialah kejayaan kerjasama gergasi IT di seluruh dunia. Kejayaannya mungkin dicapai dengan lebih cepat dan menjimatkan hasil perkongsian idea dan kreativiti di antara satu sama lain. Berkongsi idea adalah lebih memanfaatkan daripada berkongsi wang.

Kita ucapkan syabas kepada Dr Mahathir. Kejayaan ini adalah hasil kegigihannya bekerja yang sewajibnya menjadi contoh kepada pemimpin korporat dan seluruh rakyat Malaysia. Dr Mahathir bekerja tanpa mengira waktu. Kehadirannya di San Francisco pada bulan Ramadan yang sejuk memerlukan kegigihan yang tinggi bagi seorang pemimpin yang sudah lanjut

usianya seperti beliau. Walaupun berpuasa, berlapar dan dahaga, Dr Mahathir masih mampu berucap dan mengengerusikan mesyuarat seperti biasa.

Ini adalah kekuatan luar biasa yang dimiliki Dr Mahathir, yang sedikit sebanyak menakjubkan tokoh-tokoh korporat IT di Amerika. Beliau adalah contoh seorang pemimpin Islam yang tidak pernah mengenal penat lelah. Kalau pemimpin lain mengurangkan waktu bekerja atau bercuti pada bulan puasa, Dr Mahathir melipatgandakan kerja. Pemimpin lain memilih untuk berehat di Makkah mencuci dosa, Dr Mahathir mencari pahala dengan bekerja lebih masa untuk kemajuan bangsa.

(END)